

# Hariadi dipilih MPP kali ke-2

BH 10.11.2014 7

**Kota Kinabalu:** "Saya bersyukur kerana terpilih sekali lagi dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan saya bertekad meneruskan perjuangan membela pelajar di universiti ini," kata Hariadi Haripai, 22.

Hariadi, antara enam calon Pro-Aspirasi dan seorang calon Pro-Mahasiswa yang berjaya dalam pemilihan tujuh wakil MPP UMS bagi sesi 2014/2015, Jumaat lalu.

Bekas ahli MPP UMS bagi sesi 2013/2014 itu mencalonkan diri semula pada pilihan raya kampus tahun ini bagi meneruskan perjuangan sebagai pemimpin pelajar selain memenuhi dorongan rakan.

"Saya mengemukakan tiga usul pada pemilihan kali ini iaitu aspirasi mahasiswa, dinamik dan intelektual dengan tekad untuk menambah baik perkhidmatan yang ada di kampus.

## Perbaiki perkhidmatan bas

"Ini termasuk perjuangan untuk meminta pihak universiti memperbaiki perkhidmatan bas bagi memenuhi keperluan pelajar yang semakin bertambah," katanya kepada BH.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, MPP universiti mempunyai tanggungjawab besar dan mencabar kerana perlu melaksanakan apa yang dijanjikan dalam pilihan raya kampus.

"Sebaik berjaya dalam pemilihan, mereka perlu memikul tanggungjawab dia manahkan oleh seluruh mahasiswa agar kebijakan dan keperluan pelajar dapat disuarakan kepada pihak universiti untuk diatasi.

"Saya yakin pelajar yang dipilih sebagai pemimpin MPP baru pada sesi kali ini ini mampu menjalankan tanggungjawab dan bukan hanya menjadi ahli MPP sekadar nama sahaja," katanya.

Sementara itu, bagi calon fakulti yang dipilih, Mohd Solehan Siban, 22, berkata beliau akan berusaha memperjuangkan penambahan kemudahan pelajar, khususnya di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW).

"Saya mengutamakan aspek kemudahan berikut fakulti kami memerlukan peralatan dan kemudahan yang dapat membantu memudahkan proses pembelajaran selain menge tahakan usul lain iaitu yang menumpukan kepada kebijakan pelajar," katanya.

Bagi Kampus Antarabangsa Labuan, dua calon dipilih untuk menerajui perjuangan MPP dan dua calon di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan serta seorang calon di Fakulti Sains Informatik Labuan.

Selain itu, 11 lagi calon bagi pemilihan peringkat fakulti menang tanpa bertanding.

Jawatan setiap wakil MPP yang terpilih dalam pilihan raya kampus UMS akan diketahui selepas anggota baharu badan berkenaan mengadakan mesyuarat.



**“**  
*Saya yakin pelajar yang dipilih sebagai pemimpin MPP baru pada sesi kali ini ini mampu menjalankan tanggungjawab”*

**Mohd Harun Abdullah,**  
Naib Canselor  
UMS